

BAB 4

ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan dapatan kajian berdasarkan tajuk berikut:

- i. Kesedaran kerjaya pelajar-pelajar India
- ii. Perbezaan di antara pelajar perempuan dan pelajar lelaki dalam kesedaran kerjaya
- iii. Perbezaan kesedaran kerjaya pelajar India berdasarkan tahap pengajian (tingkatan)
- iv. Perbezaan kesedaran kerjaya pelajar India berdasarkan jenis pekerjaan bapa
- v. Perbezaan kesedaran kerjaya pelajar India berdasarkan kesediaan pelajar memilih pekerjaan
- vi. Perbezaan kesedaran kerjaya pelajar India di antara yang membuat pemilihan pekerjaan realistik dan tidak realistik
- vii. Perbezaan kesedaran kerjaya pelajar India berdasarkan sebab mereka memilih sesuatu pekerjaan.

4.1 Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar India

Tumpuan utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kesedaran kerjaya pelajar India.

Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya, tahap kesedaran kerjaya pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah di tahap yang baik memandangkan min skor kesedaran kerjaya sampel kajian adalah 91.68. Min skor ini terletak di aras nilai tertinggi dalam skala nilai kesedaran kerjaya yang diterangkan oleh Fadale. Nilai skor untuk aras tertinggi tahap kesedaran kerjaya yang ditetapkan oleh Fadale (Maznah 1992) adalah di antara 90 hingga 125. Sisihan piawai sampel adalah 11.93 dan skor maksimum yang diperolehi adalah 118, manakala skor minimum pula 52. Senarai skor sampel yang dikaji dapat dilihat di lampiran 3.

Merujuk kepada Jadual 3, 30 (18.80 %) orang pelajar memperolehi skor di antara 00 - 79 yang bermakna bahawa pelajar tersebut mempunyai tahap kesedaran kerjaya yang sangat rendah. Terdapat 40 (25.00 %) orang pelajar mendapat jumlah skor di antara 80 - 89 yang menunjukkan bahawa mereka mempunyai tahap kesedaran kerjaya yang sederhana. Seramai 90 (56.30 %) orang pelajar iaitu bilangan teramai memperolehi skor diantara 90 - 125. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar yang dikaji mempunyai tahap kesedaran kerjaya yang tinggi.

Jadual 3 : Tahap-tahap Skor Kesedaran Kerjaya

Lingkungan Skor	Tahap Kesedaran Kerjaya	Kekerapan	Peratus (%)
00 - 79	Rendah	30	18.80
80 - 89	Sederhana	40	25.00
90 - 125	Tinggi	90	56.30
Jumlah (N)		160	100.00

4.2 Perbandingan Kesedaran Kerjaya Pelajar Lelaki India Dengan Pelajar Perempuan India

Jadual 4 : Keputusan Analisis Ujian- t Untuk Melihat Perbandingan Kesedaran Kerjaya Diantara Pelajar Lelaki Dan Pelajar Perempuan

Jantina	n	Min	Sisihan Piawai	dk	Nilai- t	Nilai - p
Lelaki	80	91.35	12.05		158	0.350
Perempuan	80	92.01	11.87			0.727*

*p > 0.05

dk = Darjah Kebebasan

Berdasarkan Jadual 4, min skor kesedaran kerjaya pelajar lelaki adalah 91.35 dan sisihan piawainya pula adalah 12.05. Bagi pelajar perempuan pula min skor kesedaran kerjaya yang diperolehi adalah 92.01, manakala sisihan piawainya pula adalah 11.87. Dapatkan ini menunjukkan bahawa min skor kesedaran kerjaya pelajar perempuan adalah lebih besar daripada min skor pelajar lelaki. Nilai $-t$ yang diperolehi adalah 0.350, sementara nilai p yang diperolehi adalah 0.727 dan nilai p yang digunakan dalam analisis pula adalah 0.05.

Oleh itu dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dari segi tahap kesedaran kerjaya.

4.3 Perbezaan Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar India Berdasarkan Tahap Pengajian

Jadual 5 di muka surat 52 menunjukkan data mengenai perbezaan kesedaran kerjaya antara pelajar dari tingkatan 3 dan tingkatan 4.

Jadual 5 : Keputusan Analisis Ujian - t Untuk Melihat Perbezaan Kesedaran

Kerjaya Pelajar India Berdasarkan Tahap Pengajian

Tingkatan	n	Min	Sisihan Piawai	dk	Nilai- t	Nilai - p
Tiga	80	88.68	12.98		148.27	- 3.284
Empat	80	94.69	9.99			0.001*

* $p < 0.05$

dk : Darjah Kebebasan

Seperti yang dibentangkan dalam Jadual 5, didapati pelajar Tingkatan 3 memperolehi min skor kesedaran kerjaya pada tahap 88.68 dan sisihan piawainya ialah 12.98. Min skor kesedaran kerjaya pelajar Tingkatan 4 adalah 94.69 dan sisihan piawainya ialah 9.99. Nilai- t yang diperolehi ialah -3.284. Nilai p yang diperolehi adalah lebih kecil ($p = 0.001$) daripada nilai p yang digunakan dalam analisis ($p = 0.05$). Ini menunjukan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek kesedaran kerjaya di antara pelajar India tingkatan 3 dan pelajar India tingkatan 4.

4.4 Perbezaan Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar India Berasaskan Jenis Pekerjaan

Bapa

Untuk melihat sama ada terdapat perbezaan dalam kesedaran kerjaya pelajar India berdasarkan jenis pekerjaan bapa, ANOVA sehala telah digunakan. Nilai F yang

diperolehi untuk ANOVA sehala adalah 12.69 dan nilai p ialah 0.000 seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6 : Keputusan Analisis ANOVA Sehala Dalam Menentukan Perbezaan

Di antara Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar India Berasaskan Pekerjaan
Bapa

Sumber	dk	Jumlah Kuasa Dua	Jumlah Min Kuasa Dua	F - ratio	Nilai - p
Antara Kumpulan	2	3148.72	1574.36		
Dalam Kumpulan	157	19480.22	124.08	12.69	0.000 *

*p < 0.05

dk = Darjah Kebebasan

Oleh kerana nilai p yang diperolehi adalah kecil ($P = 0.000$) daripada nilai p yang digunakan dalam analisis, boleh dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap kesedaran kerjaya pelajar India berdasarkan jenis pekerjaan bapa.

Untuk mengkaji sama ada kumpulan pekerjaan bapa iaitu pekerjaan bukan profesional, bidang teknikal dan profesional memberi perbezaan yang signifikan kepada kumpulan pelajar yang dikaji, ujian skala Duncan (Frude, N., 1987)telah digunakan.

Ujian Duncan digunakan untuk menganalisis kesan perbezaan kumpulan pekerjaan bapa terhadap kumpulan pelajar yang dikaji iaitu dengan menunjukkan pasangan kumpulan yang mempunyai min yang berbeza dengan signifikan. Nilai alpha yang digunakan adalah 0.05. Keputusan Ujian Duncan dapat dilihat dalam Jadual 7.

Merujuk kepada Jadual 7, seramai 116 orang pelajar yang dikaji adalah pelajar yang pekerjaan bapanya tergolong dalam kumpulan bukan profesional dan mempunyai min skor 88.96. Sementara itu seramai 27 orang pelajar pula merupakan pelajar di mana pekerjaan bapanya adalah sebagai golongan pekerjaan profesional dan min skor ialah 99.37 Seramai 17 orang pelajar pula merupakan pelajar di mana pekerjaan bapa mereka tergolong dalam bidang teknikal dan mempunyai min skor 98.06.

Jadual 7 : Ringkasan Ujian Duncan Bagi Melihat Perkaitan Pekerjaan Bapa

Berdasarkan Kesedaran Kerjaya Pelajar

Kumpulan Pekerjaan bapa	n	Kumpulan Min 1	Kumpulan Min 2
Bukan Profesional	116	88.96	
Bidang Teknikal	17		98.06
Profesional	27		99.37

Data analisis " post - hoc " Duncan seperti dalam Jadual 7 menunjukkan terdapat perbezaan di antara kumpulan pelajar yang pekerjaan bapanya tergolong dalam kumpulan

bukan profesional dengan kumpulan pelajar yang pekerjaan bapanya adalah berdasarkan bidang teknikal dan profesional. Analisis data menunjukkan pekerjaan bapa jenis bukan profesional berada di dalam kumpulan min 1 berbanding kumpulan pekerjaan bapa jenis bidang teknikal dan profesional yang berada dalam kumpulan min 2. Ini menunjukkan terdapat perbezaan dari segi kesedaran kerjaya di antara pelajar yang datang dari kumpulan pekerjaan bapa bukan profesional dengan pelajar yang datang dari kumpulan pekerjaan bapa bidang teknikal dan profesional.

4.5 Perbezaan Kesedaran Kerjaya Pelajar India Berdasarkan Kesediaan Pelajar Memilih Pekerjaan?

Untuk melihat perbezaan tahap kesedaran kerjaya pelajar India berdasarkan kesediaan pelajar memilih pekerjaan, jawapan pelajar bagi soalan 1, Bahagian B dari Soal Selidik pelajar telah diperolehi. Seterusnya, bilangan pelajar yang telah bersedia, yang belum pasti dan yang tidak bersedia memilih pekerjaan untuk masa hadapan disenaraikan. Hasil kajian yang dijalankan ditunjukkan seperti dalam Jadual 8.

Jadual 8 : Bilangan Pelajar Mengikut Tahap Kesediaan Memilih Pekerjaan

Tahap Kesediaan	n	Peratus
Bersedia	135	84.37
Belum Pasti	15	9.38
Tidak Bersedia	10	6.25
Jumlah Besar	160	100.00

Jadual 8 di atas menunjukkan 135 (84.37 %) orang pelajar telah bersedia untuk memilih pekerjaan yang akan diceburi pada masa hadapan. Seramai 15 (9.38 %) orang pelajar pula belum pasti dengan pemilihan kerjaya sementara 10 (6.25 %) orang pelajar tidak bersedia langsung dengan pemilihan kerjaya yang akan diceburi pada masa hadapan.

Jadual 9 : Min Dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Kesediaan Memilih Pekerjaan Pelajar

Tahap Kesediaan Memilih Pekerjaan	Kesedaran Kerjaya	
	Min Skor	Sisihan Piawai
Bersedia (n = 135)	91.73	12.39
Belum Pasti (n = 15)	92.27	10.12
Tidak Bersedia (n = 10)	90.20	8.15

Jadual 9 menunjukkan kumpulan pelajar yang belum pasti memilih kerjaya mempunyai min skor 92.27 berbanding kumpulan pelajar bersedia memilih kerjaya mempunyai min skor 91.73 dan kumpulan pelajar tidak bersedia memilih kerjaya mempunyai min skor 90.20. Hasil kajian menunjukkan perbezaan di antara ketiga-tiga tahap kesediaan memilih pekerjaan adalah tidak signifikan. Ini berdasarkan kepada hasil ANOVA sehala yang dibentangkan dalam Jadual 10. Nilai p yang diperolehi ialah 0.909 dan ia adalah lebih besar daripada nilai p yang digunakan dalam analisis iaitu 0.05. Oleh itu dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap kesedaran kerjaya pelajar India dengan tahap kesediaan pelajar memilih pekerjaan.

**Jadual 10 : Keputusan Analisis ANOVA Sehala Membandingkan Antara
Kesedaran Kerjaya Berasaskan Kesediaan Memilih Pekerjaan**

Sumber	dk	Jumlah Kuasa Dua	Jumlah Min Kuasa Dua	F - ratio	Nilai - p
Antara Kumpulan	2	27.35	13.67		0.909 *
Dalam Kumpulan	157	22601.39	143.95		

* $p > 0.05$

dk = Darjah Kebebasan

4.6 Perbezaan Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar India Di antara Pelajar Yang Membuat Pilihan Pekerjaan Realistik Dan Tidak Realistik

Jadual 11 di bawah menunjukkan seramai 96 (60.00 %) orang pelajar didapati memilih pekerjaan tidak realistik dan nilai min skor ialah 90.31. Ini diikuti dengan pemilihan pekerjaan jenis realistik oleh seramai 40 (25.00 %) orang pelajar dan nilai min skor ialah 94.80. Manakala 24 (15.00 %) orang pelajar lagi tidak pasti dengan pemilihan kerjaya masing-masing dan nilai min skor ialah 91.96.

Jadual 11 : Peratus Dan Min Pelajar Yang Memilih Pekerjaan Mengikut Kategori Kumpulan Pekerjaan

Kategori Kumpulan Pekerjaan	n	Peratus	Min
Tidak Realistik	96	60.00	90.31
Tidak Pasti Pemilihan Pekerjaan	24	15.00	91.96
Realistik	40	25.00	94.80

Merujuk kepada Jadual 12, dapat dilihat keputusan ANOVA sehala di mana F - ratio yang diperolehi adalah 2.03 dan nilai p ialah 0.135. Pada aras $\alpha = 0.05$, perbezaan yang terdapat adalah tidak signifikan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan di antara tahap kesedaran kerjaya pelajar India dengan pemilihan pekerjaan realistik dan tidak realistik.

Jadual 12 : Keputusan Analisis ANOVA Sehala Dalam Menentukan Perbezaan Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar India Di antara Yang Membuat Pemilihan Pekerjaan Realistik Dan Tidak Realistik

Sumber	dk	Jumlah Ganda Dua	Jumlah Ganda Dua Min	F - ratio	Nilai - p
Antara Kumpulan	2	570.76	285.38		
Dalam Kumpulan	157	22057.98	140.50	2.03	0.135*

* $p > 0.05$

dk = Darjah Kebebasan

4.7 Perbezaan Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar India Berasaskan Sebab Mereka Memilih Sesuatu Pekerjaan

Jadual 13 menunjukkan seramai 66 (41.25 %) orang pelajar memilih pekerjaan berdasarkan minat sahaja di mana min skor ialah 89.91. Sementara itu seramai 28 (17.50 %) orang pelajar memilih pekerjaan disebabkan minat dan kebolehan dan min skor ialah 91.39. Seramai 16 (10.00 %) orang pelajar tidak pasti dengan pemilihan kerjaya dan min skor ialah 91.88. Seramai 12 (7.50 %) orang pelajar memilih pekerjaan kerana minat, kebolehan, dan bakat. Nilai min skor bagi kumpulan pelajar tersebut ialah 93.00. Manakala 38 (23.75 %) orang pelajar memilih pekerjaan kerana minat, kebolehan, bakat dan peluang kerja dan min skor ialah 94.47.

Jadual 13 : Sebab - sebab Pemilihan Kerjaya Pelajar

Sebab Pemilihan Pekerjaan	n	Peratus	Min
Minat	66	41.25	89.91
Minat Dan Kebolehan	28	17.50	91.39
Tidak Pasti Akan Pemilihan Kerjaya	16	10.00	91.88
Minat, Kebolehan Dan Bakat	12	7.50	93.00
Minat, Kebolehan, Bakat Dan Peluang Kerja	38	23.75	94.47

Ujian ANOVA sehala digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan di antara tahap kesedaran kerjaya pelajar India berdasarkan sebab mereka memilih sesuatu pekerjaan. Nilai F ANOVA sehala yang diperolehi adalah 0.925. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 14, oleh kerana nilai p yang diperolehi adalah lebih besar ($p = 0.451$) daripada nilai p yang digunakan ($p = 0.05$), dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan di antara tahap kesedaran kerjaya pelajar berdasarkan sebab mereka memilih pekerjaan.

Jadual 14 : Keputusan Analisis ANOVA Sehala Dalam Menentukan Perbezaan

Kesedaran Kerjaya Pelajar India Berdasarkan Sebab Pemilihan Sesuatu
Pekerjaan

Sumber	dk	Jumlah Ganda Dua	Jumlah Ganda Dua Min	F- ratio	Nilai- p
Antara Kumpulan	4	527.39	131.84		
Dalam Kumpulan	155	22101.36	142.58	0.925	0.451*

* p > 0.05

dk = Darjah Kebebasan

4.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan beberapa dapatan menarik. Kesedaran kerjaya pelajar-pelajar India adalah ditahap yang tinggi memandangkan min skor yang diperolehi adalah 91.68. Nilai skor ini berada di aras tertinggi tahap kesedaran kerjaya yang ditetapkan oleh Fadale (1974b).

Kadar kesedaran kerjaya pelajar lelaki dan pelajar perempuan tidak berbeza. Hasil kajian ini menyokong dapatan pengkaji-pengkaji lepas seperti Maznah (1992) dan Ooi (1988). Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan diantara pelajar

India tingkatan 3 dan pelajar India tingkatan 4 dari aspek kesedaran kerjaya. Pelajar tingkatan 4 didapati menunjukkan kadar kesedaran kerjaya yang lebih tinggi daripada pelajar-pelajar tingkatan 3.

Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan diantara tahap kesedaran kerjaya pelajar India berdasarkan jenis pekerjaan bapa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan kesedaran kerjaya di antara pelajar yang bekerja bapa bukan profesional dengan pekerjaan bapa jenis teknikal dan profesional.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan kesedaran kerjaya di antara pelajar berbeza tahap kesediaan pemilihan kerjaya iaitu bersedia, belum pasti dan tidak bersedia. Kebanyakan pelajar tidak dapat memberikan sebab yang relevan bagi menjelaskan tujuan atau sebab mereka memilih pekerjaan yang dipilih tersebut sebagai kerjaya pilihan mereka di masa depan. Hanya 25 % daripada sampel kajian dapat memberikan sebab yang realistik bagi pemilihan kerjaya mereka.

Tidak ada perkaitan diantara tahap kesedaran kerjaya pelajar India berdasarkan sebab mereka memilih sesuatu pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan tidak ada perkaitan di antara kerjaya yang dipilih dengan:

- (i) Minat
- (ii) Minat, Kebolehan
- (iii) Minat, Kebolehan dan Bakat dan
- (iv) Minat, Kebolehan, Bakat dan Peluang Kerja

Hasil kajian juga menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan antara tahap kesedaran kerjaya berdasarkan sebab pemilihan sesuatu pekerjaan. Secara ringkasnya, dapat dirumuskan bahawa kesedaran kerjaya pelajar berbeza mengikut tingkatan dan berdasarkan jenis pekerjaan bapa. Tahap kesedaran kerjaya pelajar adalah tidak berbeza dari segi jantina, tahap kesediaan pelajar memilih pekerjaan dan sebab mereka memilih sesuatu pekerjaan tertentu.